

Rujukan Kami: KTPK 18/4/2.01 Jld. 5( )

Tarikh: Januari 2000

Pengarah Ukur Topografi (Semenanjung)  
Pengarah Ukur Topografi Sarawak  
Pengarah Ukur Topografi Sabah  
Pengarah Ukur CAMS  
Ketua Penolong Pengarah Ukur (Foto Udara)  
Ketua Pegawai Penyelidik Peta

Tuan,

## **PEKELILING KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN BIL. 1/ 2000**

### **DASAR ULANGKAJI PETA TOPOGRAFI MALAYSIA**

#### **1. TUJUAN**

Pekeling ini bertujuan untuk menjelaskan dasar mengulangkaji peta-peta topografi negara.

#### **2. LATARBELAKANG**

2.1. Peta-peta topografi mempunyai banyak kegunaannya dan dengan itu pengeluarannya merupakan satu aktiviti yang sangat penting bagi Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM). Dalam pada itu ianya juga perlu dikemaskinikan supaya butiran atau maklumat di dalam peta-peta tersebut sentiasa terkini. Nilai peta-peta berkenaan akan berkurangan kalau terdapat perbezaan yang ketara di antara butiran sebenar atas mukabumi dengan apa yang ditunjukkan di dalamnya.

2.2. Sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun seperti Malaysia, kedua-dua keperluan mengeluarkan peta-peta topografi dan mengemaskinikannya menjadi lebih mendesak lagi kerana permintaan yang meningkat ke atas peta-peta topografi yang mempunyai maklumat terkini dari pihak awam dan swasta. Sehubungan itu bagi memenuhi keperluan tersebut, satu dasar ulangkaji peta-peta topografi

negara secara menyeluruh perlu diadakan. Keperluan mengadakan dasar berkenaan juga disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- i) Sebilangan besar dari peta-peta topografi negara khususnya di Semenanjung Malaysia telah dikeluarkan pada awal tahun lapan puluhan lagi. Kawasan-kawasan tertentu yang diliputinya telah mengalami banyak perubahan yang disebabkan oleh pembangunan. Banyak juga lembar-lembar peta berkenaan telah dibuat cetakan semula.
- ii) Mengambil kesempatan menggunakan teknologi maklumat dan pemetaan terkini yang boleh meningkatkan proses pemetaan dan menyimpan maklumat peta topografi berdigit di dalam pangkalan data serta kemudahan mengemaskini dan mengeluarkannya dalam bentuk grafik.

### **3. PELAKSANAAN**

#### **3.1. Am**

- 3.1.1. Mengulangkaji peta bermakna mengeluarkan edisi terbaru kepada peta asal. Siri dan nombor lembar peta berkenaan masih dikekalkan tetapi nombor edisinya ditukar untuk menunjukkan perubahan telah dibuat kepada butiran faktual yang ditunjuk atas peta berkenaan atau perubahan-perubahan lain yang ada kaitan dengan nilai kegunaan peta tersebut. Seterusnya penerangan mengenai liputan maklumat ulangkaji perlulah diberi di dalam nota kompilasi. Juga, kualiti dan kejituuan kerja asal perlu dikekalkan dalam proses mengulangkaji peta berkenan.
- 3.1.2. Pada amnya keperluan mengulangkaji atau mengemaskini meliputi semua peta-peta yang dikeluarkan. Walau bagaimana pun panduan yang disediakan ini adalah khusus bagi peta-peta topografi negara termasuk peta-peta bandar yang berkelas TERHAD dan juga yang tidak berkelas. Siri-siri peta ini adalah seperti di Kembaran A. Tidak semua lembar-lembar peta di bawah siri-siri tersebut telah dikeluarkan. Namun begitu, ulangkaji peta hendaklah dilaksanakan selari dengan kerja-kerja pemetaan piawai.

#### **3.2. Kaedah Dan Kekerapan Ulangkaji Peta**

- 3.2.1. Ulangkaji peta adalah untuk merekodkan perubahan-perubahan besar atau perubahan ke atas butiran-butiran penting agar seberapa boleh tidak terdapat perbezaan antara yang terdapat di kawasan berkenaan dengan yang ditunjuk di dalam peta. Kadar perubahan ke atas butiran-butiran ini juga berbeza antara satu kawasan mukabumi dengan kawasan yang lain. Dengan itu untuk memudahkan ulangkaji peta, kawasan mukabumi Malaysia akan dibahagikan kepada tiga mengikut kepesatan

pembangunan dan perubahan-perubahan yang dijangka akan berlaku. Pembahagian kawasan-kawasan berkenaan serta kaedah dan kekerapan mengulangkaji peta-peta adalah seperti dinyatakan di bawah:

**i) Kawasan Bandar Dan Membangun (Bandar Besar dan Persekutaran)**

Bagi Semenanjung Malaysia, ia meliputi kawasan bandaraya Johor Bahru, Ipoh, Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan sekitar Lembah Klang. Bagi Malaysia Timur pula, ia tertumpu kepada bandaraya Kuching, Kota Kinabalu dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sungguh pun kawasan-kawasan berkenaan adalah kawasan bandar, pembangunan dan perubahan masih berlaku di dalam dan di persekitarannya. Dengan itu kesemua lembar-lembar peta bagi kawasan ini akan diulangkaji tiap-tiap 3 tahun sekali secara berterusan (continuous) tetapi samada ulangkaji menyeluruh atau separa bergantung kepada banyaknya perubahan yang berlaku.

**ii) Kawasan Membangun (Kawasan Bandar Kecil dan Persekutaran serta Pertanian)**

Ia meliputi kawasan-kawasan bandar selain dari yang diiktiraf sebagai bandaraya dan bandar-bandar yang dinyatakan di perenggan 3.2.1.i). Kawasan persekitaran bandar-bandar berkenaan juga termasuk di bawah kategori ini di mana lembar-lembar peta akan diulangkaji setiap 5 tahun sekali secara berkitar dan separa kawasan pemetaan kecuali terdapat kadar perubahan yang banyak telah berlaku.

**iii) Kawasan Baki Yang Kurang Membangun (Kawasan Hutan dan Terpencil)**

Ia meliputi kawasan-kawasan hutan dan jauh dari bandar tidak termasuk di bawah kawasan-kawasan tersebut di atas. Kawasan ini dijangka kurang atau tidak akan mengalami perubahan dalam masa terdekat. Kesemua lembar-lembar peta akan diulangkaji tiap-tiap 10 tahun sekali secara berkitar dan separa kawasan pemetaan.

- 3.2.2. Rajah-rajab untuk menunjukkan pembahagian kawasan-kawasan yang dinyatakan di perenggan 3.1.2. adalah seperti di Kembaran B bagi Semenanjung Malaysia, Kembaran C bagi Sarawak dan Kembaran D bagi Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Untuk makluman dan perbandingan, kekerapan lembar-lembar peta topografi Siri L7030 dibuat cetakan semula disertakan di Kembaran E.

3.2.3. Perlu diingat bahawa kekerapan mengulangkaji peta dan kaedah yang dinyatakan di perenggan 3.2.1. adalah sebagai panduan. Sekiranya terdapat lembar-lembar peta yang sudah kehabisan stok dan akan dicetak semula, tindakan mengulangkaji perlulah dilaksanakan ke atas lembar-lembar peta berkenaan. Juga, sekiranya terdapat perubahan butiran penting seperti pembinaan lebuh raya, lembar-lembar peta terlibat perlulah diulangkaji tanpa menunggu jangkamasa yang berkaitan. Sebaliknya kalau tidak ada perubahan berlaku khususnya bagi Kawasan Yang Kurang Membangun, maka tempoh ianya patut diulangkaji boleh dilanjutkan lagi.

### **3.3. Pelaksanaan Ulangkaji Peta-Peta Topografi**

Jawatankuasa mengulangkaji peta-peta topografi di bawah Bahagian Pengeluaran Pemetaan hendaklah mengordinasi kerja-kerja ini. Sekretariat jawatankuasa berkenaan perlulah mengawasi jadual perlaksanaan mengulangkaji peta-peta terlibat.

### **3.4. Sumber Pengumpulan Maklumat**

Agensi-agensi berikut perlu sentiasa dihubungi untuk memperolehi maklumat mengenai kawasan-kawasan yang sedang mengalami pembangunan/ perubahan secara besar-besaran serta apa-apa maklumat tambahan mengenainya yang boleh membantu proses mengulangkaji peta kawasan-kawasan berkenaan.

- i) Jabatan Ukur dan Pemetaan negeri-negeri.
- ii) Agensi-agensi di bawah Jawatankuasa Pemetaan dan Data Spatial Negara.
- iii) Agensi dan jabatan Kerajaan lain yang mungkin berkaitan.

### **3.5. Spesifikasi Dan Sumber Butiran**

Dalam pelaksanaan kerja-kerja mengulangkaji peta ini, ianya perlulah mengikut spesifikasi asas siri-siri peta berkenaan. Untuk mendapatkan maklumat mengenai perubahan butiran, ukuran di padang atau pengambilan fotoudara baru mungkin perlu dibuat. Di mana boleh dan untuk mempercepatkan proses mengulangkaji serta mengurangkan keperluan kerja luar, penggunaan gambar-gambar udara warna terbaru dan imej satelit boleh dilakukan.

### **3.6. Pengeluaran Peta Ulangkaji**

Jika perubahan adalah meliputi sebahagian besar sesuatu lembar peta, maka cara penyelesaian yang paling berkesan ialah membuat semula peta bagi lembar berkenaan. Sekiranya sebahagian besar peta asal masih boleh digunakan, maka maklumat yang berubah perlulah dibuang dan setelah maklumat baru disediakan, maklumat

baru dan yang tidak berubah itu akan disatukan untuk menghasilkan peta baru.

#### **4. TARIKH BERKUATKUASA**

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai daripada tarikh pengeluarannya.

Sekian, terima kasih.

#### **“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

**(DATO' ABDUL MAJID BIN MOHAMED)**

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan  
Malaysia

#### **Salinan kepada:**

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan  
Pengarah Ukur Bahagian (Pengurusan dan Pembangunan)  
Pengarah Ukur Bahagian (Penyelarasan Kadaster)  
Pengarah Ukur Bahagian (Pengeluaran Pemetaan)  
Pengarah Ukur Bahagian (Ukur Geodetik)  
Pengarah Cawangan Pemetaan Pertahanan  
Semua Pengarah Ukur Negeri


**KEMBARAN A**

**SIRI-SIRI PETA DAN JUMLAH SYIT MENGIKUT CADANGAN KAWASAN KEUTAMAAN ULANGKAJI PETA**

<b>Siri</b>	<b>Jumlah Syit</b>	<b>Bandar &amp; Membangun</b>	<b>Pinggir Bandar &amp; Kurang Membangun</b>	<b>Baki &amp; Tiada Pembangunan</b>	<b>Catatan</b>
(a)	(b)	(c)	(d)	(e)	(f)
L 7030	177	13	88	76	
DNMM 5101	177	13	88	76	
L 8028	653	49	326	278	
DNMM 6102	653	49	326	278	
L 808	45	45	0	0	
DNMM 6101	45	45	0	0	
L 905	141	17	124	0	
DNMM 8101	141	17	124	0	
T 738	274	4	39	231	
DNMM 5201	274	4	39	231	
T 835	985	16	145	824	
DNMM 6201	985	16	145	824	
T 931	49	2	47	0	
DNMM 8201	49	2	47	0	
<b>Jumlah</b>	<b>4648</b>	<b>292</b>	<b>1538</b>	<b>2818</b>	

KEMBARAN B


KEUTAMAAN ULANGKAJI PEMETAAN  
SIRI L7030, L8028, L808, L905  
DNMM 5101, DNMM 6102, DNMM 6101 DAN DNMM 8101  
KAWASAN SEMENANJUNG MALAYSIA



MALAYBAL



KEMBAR

**KEUTAMAAN ULANGKAJI PEMETAAN SIRI T738, T835, T931,  
DNMM 5201, DNMM 6201 DAN DNMM 8201  
KAWASAN NEGERI SARAWAK**



KEMBARAN D

**KEUTAMAAN ULANGKAJI PEMETAAN  
SIRI T738, T835, T931 DNMM 5201, DNMM 6201 DAN DNMM 8201  
KAWASAN NEGERI SABAH**



KEMBARAN E

KEKERAPAN CETAKAN SEMULA  
SIRI L 7030

